

## LAMPIRAN

### Lampiran A (1)

#### **Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan**

### **DASAR DAN GARIS PANDUAN PENGETAHUAN LESEN KEDAI MENJUAL MINUMAN KERAS DAN MEMINUM ARAK DI TEMPAT AWAM DI NEGERI KELANTAN<sup>1</sup>**

---

#### **1. PENDAHULUAN**

Kerajaan telah bersetuju mengadakan satu dasar dan garis panduan pengeluaran lesen untuk kedai menjual minuman keras dan minuman arak di tempat awam di Negeri Kelantan. Dasar dan garis panduan ini diharap dapat memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

#### **2. JENIS- JENIS LESEN YANG BOLEH DIKELUARKAN LEMBAGA PELESEN**

Undang-undang memperuntukkan dengan jelas perbezaan di antara minuman keras yang memabukkan (Liquor) dan arak (Beer)

2.1 Mengikut Seksyen 2 (1) Akta Kastam 1976, **liquor yang memabukkan** ditakrifkan termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2% spirit pruf, yang sesuai, atau bermaksud untuk atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai suatu minuman. Di antara jenis-jenis jenamanya ialah: **Vsop, Montadour, Red, Kiwi Liqueur, Martini Asti Spumante, Blue Nun, Bicardi Cas Blanca, Gordons Gin dan JW Red Label.**

2.2 **Arak (Beer)** pula ditakrifkan dalam seksyen 2, Akta Eksais 1976 iaitu: **“Bir” termasuklah ale, stout, porter dan segala liquor tapaian lain yang dibuat daripada malt.**

Berdasarkan kepada **Seksyen 32 (1), Akta Eksais 1976**, penjualan arak adalah **tidak tertakluk** kepada Akta Eksais 1976. Peruntukan tersebut berbunyi:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa juu dalam seksyen kecil ini boleh dipakai:

- a) Bagi jualan secara runcit bir atau todi dalam botol yang belum berbuka dan yang meteri dan kapsulnya yang sewajarnya masih utuh atau dalam tin-tin yang belum berbuka.

---

<sup>1</sup> Data bercetak diberikan oleh Ahmad Nadzif Yaacob, Penolong Pegawai Persekutaran, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI

- 2.3 Mengikut Seksyen 86, **Akta Eksais 1976**, Menteri Kewangan sama ada dengan secara sendirinya atau mewakilkan kuasanya kepada YAB Menteri Besar melantik Ahli Lembaga Pelesen untuk satu-satu tempoh yang ditentukan.
- 2.4 **Akta Eksais 1976** memberi kuasa kepada Lembaga Pelesen untuk mengeluarkan atau memindah milik lesen-lesen sebagaimana berikut:

#### **2.4.1 Lesen Runcit Minuman Keras (Liquor)**

Untuk menjual secara runcit minuman keras (liquour) yang memabukkan di premis-premis yang ditetapkan.

#### **2.4.2 Lesen Borong Minuman Keras (Liquor)**

Untuk menjual secara borong minuman keras (liquor) yang memabukkan di premis-premis yang ditetapkan.

- 2.5 Lembaga Pelesen Negeri tidak mengeluarkan lesen untuk penjualan arak (beer) kerana ianya dikecualikan oleh Akta Eksais 1976 tadi. Oleh itu Kerajaan Negeri perlulah merangka suatu kaedah berhubung penjualan arak ini agar ianya selaras dengan dasar kerajaan.

### **3. GARIS PANDUAN**

#### **3.1 Lesen menjual minuman keras Jenis ‘Liquor’ (Runcit/Borong)**

- (i) Jumlah lesen menjual liquor akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa bagi sesuatu jajahan mengikut keperluan
- (ii) Lesen menjual liquor hanya boleh dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan yang mana keahliannya dilantik berdasarkan Akta Eksais 1976
- (iii) Pelesen hanya boleh beroperasi di premis yang ditetapkan sahaja dan ianya tidak boleh dipindah milik melainkan dengan kebenaran Lembaga.

#### **3.2 Lesen menjual Bir (Bukan Liquor)**

- (i) Peniaga yang ingin menjual bir (bukan liquor) perlulah mendapatkan lesen yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu lesen yang dikategorikan sebagai Kedai Kopi / Restoran Cina.
- (ii) Jumlah lesen tersebut yang boleh dikeluarkan akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri atas cadangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Berkenaan
- (iii) Jumlah lesen mestilah berdasarkan keperluan semasa yang dijustifikasikan di sesuatu jajahan

### **3.3 Tatacara Minum Arak Di Tempat Awam**

- (i) Meminum minuman keras sama jenis ‘liquor’ mahupun ‘bukan liquor’ di tempat awam secara terbuka adalah diharamkan. Tempat-tempat awam ini termasuklah hotel, restoran, kedai kopi dan seumpamanya
- (ii) Walaubagaimanapun pengecualian diberi kepada masyarakat Bukan Islam untuk meminum arak di tempat-tempat berikut:
  - (a) Kedai Kopi / restoran milik orang-orang bukan Islam yang diberikan lesen restoran/kedai kopi cina oleh pihak PBT, yang menjual makanan tidak halal (khusus untuk orang bukan Islam)
  - (b) Majlis untuk upacara-upacara keagamaan bukan Islam di tempat yang dikhaskan, umpamanya di tokong atau rumah ibadat bukan Islam
  - (c) Majlis persendirian yang diadakan di rumah kediaman persendirian yang melibatkan anggota keluarga atau tetamu undangan sahaja, umpamanya majlis perkahwinan, harijadi dan seumpamanya.
  - (d) Majlis menyambut hari-hari kebesaran dengan dikenakan syarat-syarat sebagaimana berikut:
    - (i) Pihak pengajur perlu memaklumkan majlis yang hendak dianjurkan kepada PBT bagi mengelakkan salah faham
    - (ii) Tempat yang akan diadakan upacara atau majlis tersebut hendaklah di dalam dewan atau restoran atau tempat-tempat lain yang tertutup kepada orang ramai, kecuali jemputan sahaja.
  - (iii) Orang-orang Islam tidak dibenarkan dijemput atau masuk ke upacara atau majlis tersebut
  - (iv) Upacara atau majlis tersebut hendaklah diadakan tidak melebihi jam 12.00 tengah malam dan tidak boleh diadakan pada hari-hari tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **4. SYARAT-SYARAT LESEN:**

Semua lesen yang dikeluarkan sama ada oleh Lembaga Pelesenan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan mestilah menepati syarat-syarat berikut:

#### **(i) Pekerja:**

Pekerja lelaki / perempuan Islam tidak dibenarkan sama sekali bekerja di premis perniagaan tersebut.

#### **(ii) Larangan kepada Orang Islam:**

Orang-orang Islam dilarang sama sekali memasuki premis perniagaan tersebut. Papan tanda perlu disediakan oleh peniaga berkenaan untuk memaklumkan larangan kepada orang-orang Islam memasuki premis berkenaan.

#### **(iii) Pakaian Pekerja**

Bagi pekerja perempuan (bukan Islam) hendaklah memakai pakaian sopan (tidak menjolok mata). Bagi pekerja lelaki pula hendaklah memakai pakaian yang bersih dan kemas. Penggunaan pakaian seragam digalakkan.

### **Keadaan Premis Perniagaan**

- (a) Premis setiap perniagaan hendaklah dalam keadaan indah dan bersih serta cukup pencahayaan pada setiap masa
- (b) Tong-tong sampah hendaklah disediakan dengan secukupnya
- (c) Kedudukan dan persekitaran kedai mestilah mengambil kira sensitiviti mereka yang tidak minum minuman keras atau arak, sama ada orang Islam maupun Bukan Islam. Ianya mestilah tidak menimbulkan gangguan atau kacau ganggu kepada orang lain
- (iv) Bilangan pekerja untuk setiap premis tersebut hendaklah didaftarkan dan dimaklumkan kepada Pihakberkuasa Tempatan berkenaan
- (v) Lesen-lesen premis dan salinan Undang-Undang Kecil berkenaan hendaklah dipamerkan di dalam premis perniagaan dengan cara yang mudah dilihat dan dibaca.
- (vi) Waktu bermiaga hendaklah tidak melebihi jam 12.00 malam. Manakala perniagaan tidak dibenarkan pada malam-malam tertentu yang akan ditetapkan oleh Pihak berkuasa Tempatan dari masa ke semasa.
- (vii) Setiap premis perlulah mengadakan papan tanda / iklan yang diluluskan oleh Pihakberkuasa Tempatan berkenaan. Penggunaan bahasa jawi dengan betul adalah digalakkan. Setiap premis hendaklah mempamerkan dengan terang papan tanda yang berbunyi “ **ORANG ISLAM TIDAK DIBENARKAN MEMASUKI PREMISINI**”

### **5. PENUTUP**

Dengan adanya garis panduan ini akan menyeragamkan prosedur kelulusan lesen-lesen premis-premis minuman keras di Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini dan akan mengekalkan imej Kerajaan Negeri yang mengamalkan toleransi bagi menjamin suasana harmoni di kalangan penduduk berbilang kaum, agama dan budaya. Disamping itu, aktiviti-aktiviti perniagaan minuman arak juga dapat dikawal dengan lebih baik dan dapat mengelakkan premis perniagaan menyalahgunakan lesen yang dikeluarkan untuk menjalankan kegiatan yang dilarang. Peraturan ini juga akan memberi kuasa kepada Pihak berkuasa Tempatan untuk menggunakan dan menguatkuasakan peraturan khususnya dalam pengawalan penjualan dan meminum minuman keras di kawasan kawalannya. Ini juga diharapkan akan membantu membendung dan menghindari gejala-gejala maksiat keruntuhan akhlak serta moral terutamanya dalam kalangan remaja.

Bertarikh : 3 Zulkaedah 1430 H

22 Oktober 2009

## Lampiran A (2)

### Syarat-Syarat Bagi Lesen Jualan Borong Dan Runcit

#### Syarat-Syarat Bagi Lesen Jualan Borong Dan Runcit :<sup>2</sup>

- a. Hendaklah menyediakan ruangan khas yang berasingan bagi mempamer dan menyimpan minuman keras serta hendaklah memasang label ‘**MINUMAN KERAS HARAM UNTUK ORANG ISLAM**’ mengikut ukuran dan syarat yang ditetapkan dengan cara yang terang dan boleh dibaca oleh orang ramai.
- b. Penjualan ‘**LIQUOR**’ (**minuman yang memabukkan**) kepada seseorang di bawah umur 18 tahun adalah dilarang.
- c. Penjualan ‘**LIQUOR**’ dalam ‘**SACHET**’ (beg plastik) tidak dibenarkan
- d. Sebarang penjualan minuman keras tidak boleh dibuat selain dari di premis-premis yang dilesenkan sahaja dan **hendaklah mematuhi semua syarat-syarat serta peruntukan undang-undang** Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan.
- e. Bayaran hendaklah dibuat **dalam masa tujuh (7) hari** dari tarikh surat ini. Jika gagal berbuat demikian kelulusan akan ditarik balik.

Pelesen hendaklah mengemukakan Penyata Jualan Bulanan sebelum 10 haribulan berikutnya kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Kelantan dan salinan kepada Ketua Jajahan berkenaan. Kegagalan berbuat demikian, **akan menjelaskan permohonan** membaharui lesen di masa akan datang.

---

<sup>2</sup> Kandungan Surat Permohonan Mendapatkan Lesen Minuman Keras . Data diberikan oleh Fiesal Abdullah, Penolong Setiausaha (Pentadbiran). Bahagian Khidmat Pengurusan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

### Lampiran A (3) Surat Permohonan Menjalankan Kajian

A1

Nik Suhaida Bt Nik Abdul Majid  
E-6-9 Lanai Gurney Corporate Suites,  
No 1, Jalan Bukit Keramat,  
54000 Kuala Lumpur




Tuan Haji Fauzi bin Mat  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI)  
Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim

14 Januari 2013  
2 Rabiulawal 1434 H

u/p: Tuan Haji Ropien Bin Hasan  
Pengarah Pelesenan

Tuan,



HAJI FAUZI BIN MAT  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU  
BANDAR RAYA ISLAM

Permohonan Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian  
Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya seperti nama di atas merupakan pelajar sarjana Universiti Malaya. Saya sedang menjalankan penyelidikan berkaitan Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan.


3. Sehubungan dengan itu, saya memohon kerjasama dari pihak MPKB-BRI untuk memberikan kebenaran mendapatkan maklumat yang diperlukan dari pemilik premis yang menjual arak iaitu terdiri dari restoran, runcit dan juga borong.

4. Justeru, saya mengharapkan surat ini sebagai jaminan dan sokongan dari MPKB-BRI bagi saya mendapatkan maklumat dari mereka bagi menyempurnakan kajian ini.

5. Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan amatlah saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Salam hormat,

  
(NIK SUHAIDA BT NIK ABDUL MAJID)

PPCP  
Tindakan  
HBL  
ref:13

PPCP  
HAJI ROPIEN BIN HASAN  
Pengarah Pelesenan  
Majlis Perbandaran Kota Bharu  
Bandar Raya Islam

R up 11

## Lampiran A (4) Pekeliling Kerajaan Negeri Kelantan



### PELAKSANAAN

Sebagai persiapan ke arah mencapai wawasan menjadikan bandar Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam pada tahun 2005, semua jabatan dan agensi kerajaan adalah dengan ini diarah menggunakan cogan kata "Kota Bharu Bandaraya Islam 2005" pada kaki surat jabatan atau agensi masing-masing.

### KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENTADBIRAN ISLAMIAH**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2004**

**PENGUNAAN MOTO**  
**KOTA BHARU BANDARAYA ISLAM 2005**

### TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran Islamiah ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan tentang keputusan kerajaan supaya menggunakan moto "Kota Bharu Bandaraya Islam 2005" pada kaki surat rasmi jabatan dan agensi masing-masing.

### LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menjadikan Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam pada tahun 2005. Keputusan ini adalah sejajar dengan taraf Kota Bharu sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran kerajaan. Wawasan untuk menjadikan Kota Bharu sebuah Bandaraya Islam adalah untuk mewujudkan identiti dan seni reka Islam, pegawai-pejawai dan khalifangan kerajaan serta wargakota mengamalkan syariat Islam.

Pelaksanaan sistem pentadbiran Islam akan dilaksanakan dengan lebih komprehensif dalam urusan pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu. Perancangan bandar yang berteraskan konsep Islam melalui Kajian Pelan Induk Bandaraya akan memandu pembangunan bandar Kota Bharu bagi merealisasikan wawasan Bandaraya Islam.

Dengan pengurusan dan pembangunan bandar yang bermotifkan Islam, hakikangan kerajaan dan penduduk bandar yang berakhlaq, maka adalah wajar bandar Kota Bharu diberi gelaran Bandaraya Islam.

### TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Pentadbiran Islamiah ini berkukuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

### PEMAKAIAN

Pekeliling Pentadbiran Islamiah ini pada keseluruhannya dianjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Pihak Berkanun Negeri.

# RAJA BERDAULAT RAKYAT AMAN BAHAGIA #  
# MEMBANGUN BERSAMA ISLAM #  
*(Signature)*

(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF )

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)  
B.p: SETIAUSAHA KERAJAAN  
KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERJAAN  
NEGERI KELANTAN  
KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh: 12 Muhamram 1425  
4 Mac 2004  
SUK.D.200(0)600/7(15)

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri

## Lampiran A (5) Borang Permohonan Lesen Menjual Minuman Keras

AKTA EKSAIS 1976  
( Seksyen 35 dan Peraturan 11 (1)  
EXCISE ACT 1976  
( Section 35 and Regulation 11 (1)  
PERMOHONAN LESEN UNTUK MENJUAL MINUMAN  
LIQUOR YANG MEMABUKKAN  
APPLICATION FOR A LICENCE TO SELL  
INTOXICATING LIQUOR

NOTA – HENDAKLAH DISEDIAKAN DALAM EMPAT SALINAN  
NOTE – To be submitted in quadruplicate

Kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan .....  
To The Chairman Licensing Board

Saya ( \* ) ..... ( Nama Dengan Huruf Besar )  
( Full Name In Block Capitals )

Kad Pengenalan No ..... Beralamat : .....  
N.R.I.C.NO: ..... of ..... (Adress)  
Yang menjalankan perniagaan di bawah nama .....  
Trading under name of  
Di ..... ( Alamat Premis )  
At ..... ( Adress of Premis )

Mengikut Peraturan Pendaftaran Perniagaan/Perakuan Penuduhan \* No:.....  
Business Registration Certificate/ Certificate of Incorporation No  
Dengan ini memohon untuk mendapatkan/memindahmilik \* lesen .....  
Hereby apply for the issue/transfer \* for  
( nyatakan jenis ) bagi tempoh .....  
( State type of license ) for the period

2. Premis untuk dilesen adalah seperti mana yang dinyatakan dibawah ini  
( jika keseluruhan Premis tidak dilesen, nyatakan bahagianya untuk dilesen )

The Premises to be licensed are as specified below ( if the whole premises  
Are not to be licence, specify what part of them is to licenced )

3. \* ( a ) Saya belum pernah memegang lesen jenis ini .  
▪ I have not previously held a licence the type.  
\* ( b ) Nombor lesen saya yang dahulu/sekarang ialah .....  
My previous/present licence number was/is .....  
\* ( c ) Saya ingin lesen bernombor ..... dipindahmilik kepada saya  
▪ I wish licence number ..... to be transferred to me.  
\* ( d ) Saya ingin lessen bernombor ..... dipindahmilik

dari ..... ( premis sekarang )  
From ..... ( Present premises )

4. Saya mengaku bahawa keterangan-keterangan di atas adalah betul dan  
Lengkap.

I declare that above particulars are true and complete.  
Tarikh : .....  
Date .....

( Tandatangan Pemohon )  
( Signature of Applicant )

- Potong mana yang tidak berkenaan.

## Lampiran (B) Koleksi Gambar Temubual Bersama Responden



Tuan Hj Ropein Bin Hasan  
Pengarah Pelesenan MPKB-BRI

Encik Ahmad Nadzif Yaacob  
Penolong Pegawai Kesihatan  
Persekutaran, Bahagian Pelesenan  
Jabatan Pelesenan dan Kawalan  
Perniagaan (MPKB-BRI)



Puan Rohani Omar,  
Ketua Bahagian Cukai Dalaman,  
Kastam Diraja Malaysia Kelantan

Tuan Abdul Basir, Penolong Kanan  
Pengarah Kastam Diraja Malaysia  
Kelantan

Puan Rahimah Husain, Penyandang  
Penolong Kanan Jabatan Kastam Diraja  
Malaysia Kelantan



Encik Fiesal Abdullah  
Penolong Setiausaha (Pentadbiran)  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Mohd Arman Zulkifli  
Penolong Setiausaha (Pengurusan).  
Bahagian Kerajaan Tempatan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat  
Menteri Besar Kelantan  
Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim



**Prof. Dr. Ab Aziz Mohd Zin**  
Pensyarah & Ketua Eksakutif  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)



**En. Abdul Hadi Ibrahim (Kiri)**  
(Pembantu Tadbir Perlesenan, Ibu  
Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan)

**En. Ahmad Zaki Ibrahim (Kanan)**  
(Ketua Bahagian Pengurusan Daerah,  
Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu,  
Kelantan)



**Pn. Nik Rohani Nik Yahya**  
(Pegawai Khidmat Pelanggan,  
Jabatan Perangkaan Negeri  
Kelantan)



Datuk Takiyuddin Hassan  
(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan  
Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan,  
Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu,  
Kelantan)



En. Saharudin Omar  
(Ketua Zon Pembantu Tadbir Kanan  
Bahagian Pentadbiran, Pejabat Tanah dan  
Jajahan Kota Bharu, Kelantan)

✓ Koleksi Gambar Sewaktu Operasi Bersepadu Serbuan Ke Premis Arak







✓ Koleksi Gambar Premis Menjual Arak di Kelantan

